

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI**  
**ANNUAR BIN HAJI MUSA**  
**[KETEREH]**

**SOALAN NO. 79**

**Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA [**  
**KETEREH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah terkini kedudukan hutang negara dan apakah langkah bagi terus memastikan negara berada pada landasan ekonomi yang betul agar ekonomi negara terus berkembang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara keseluruhan, hutang dan liabiliti kerajaan adalah berjumlah RM1.1 trilion, atau sekitar **75% berbanding Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)** pada akhir tahun 2018. Jumlah ini mengambil kira hutang langsung kerajaan, komitmen jaminan yang ditanggung dan dibiayai oleh Kerajaan, serta liabiliti lain termasuk bayaran pajakan kewangan (*finance lease*) dan hutang syarikat 1MDB. Kedudukan hutang dan liabiliti kerajaan untuk tahun 2018 telah turun sebanyak 4 mata peratusan daripada 79% pada tahun 2017.

2. Kedudukan hutang langsung Kerajaan Persekutuan yang dikawal selia di bawah akta-akta pinjaman iaitu Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637], Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403], dan Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188] adalah **sebanyak 51% KDNK** pada akhir-2018, iaitu kekal di bawah paras 55% daripada KDNK.

3. Komitmen jaminan yang ditanggung dan dibiayai Kerajaan adalah sebanyak **9% berbanding KDNK** bagi akhir tahun 2018. Ia terdiri daripada tanggungan hutang sebahagian syarikat berkaitan Kerajaan yang menerima Jaminan Kerajaan bagi melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan awam dan utiliti.

4. Bayaran pajakan kewangan dan liabiliti lain seperti 1MDB pula adalah sebanyak **15% berbanding KDNK** pada akhir 2018.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan terkawal dan terurus, beberapa langkah kawalan berikut perlu dipatuhi iaitu:

## NO SOALAN : 79

- a. Memastikan perbelanjaan mengurus sentiasa dibiayai melalui hasil negara serta memastikan sebahagian daripada hasil negara tersebut dapat menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan;
- b. Mengawal perbelanjaan dan memastikan peruntukan dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta memberi penekanan kepada *outcome*, bagi mengelakkan pembaziran;
- c. Pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Pinjaman ditumpukan kepada perbelanjaan pembangunan bagi projek berimpak tinggi yang akan memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang; dan
- d. Meneruskan dasar semasa Kerajaan dalam mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi, dengan mengambil kira mudah tunai yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah.
- e. Bagi menambah baik tadbir urus pengurusan hutang negara, Jawatankuasa Pengurusan Hutang dan Pejabat Pengurusan Hutang telah ditubuhkan pada 15 Mei 2019 yang bertanggungjawab untuk mengurangkan hutang kepada paras yang lebih terurus serta memastikan kemapanan hutang dalam jangka masa sederhana dan panjang.
- f. Bagi mengukuhkan rangka kerja institusi dan perundangan, Kerajaan akan membentangkan Akta Perolehan Kerajaan (*Government Procurement Act*) pada 2020 untuk memastikan ketelusan dan persaingan terbuka dalam perolehan Kerajaan serta pengawalseliaan proses perolehan yang lebih efektif. Selain itu, Akta Kebertanggungjawaban Fiskal (*Fiscal Responsibility Act*) dijangka akan dibentangkan pada 2021 untuk mengukuhkan tadbir urus, ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan fiskal.